

Headline	Giatmara tekankan ilmu kewartawanan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Mahkamah	Color	Full Color
Page No	40	ArticleSize	322 cm ²
AdValue	RM 4,093	PR Value	RM 12,278



Giatmara

tekankan ilmu kewartawanan

Majlis Amanah Rakyat (Mara) melalui Pusat Giatmaranya menekankan mengenai bidang fotografi dan kewartawanan dalam bengkel yang dianjurkan selama empat hari di Hotel Summit, Bukit Mertajam, Pulau Pinang baru-baru ini.

Pengarah Mara Pulau Pinang, Yahaya Sani berkata, mereka yang sedang mengikuti pengajian di 13 Pusat Giatmara seluruh Pulau Pinang perlu diberi pendedahan ini kerana melalui penulisan dan fotografi mereka dapat mempromosikan perkhidmatan atau barangan yang akan dipasarkan nanti.

"Saya melihat proses hebahan yang dilakukan oleh pelajar Giatmara ini melalui bidang kewartawanan merupakan langkah tepat agar mesej yang hendak disampaikan menjadi tarikan kepada masyarakat," katanya.

Manakala Pengarah Giatmara Pulau Pinang Rusli Abdullah berkata, ilmu kemahiran telah diberikan namun cara mengolah berita dan merakamkan gambar dari sudut yang menarik perlu

dipelajari supaya dapat membantu mereka dalam menyediakan risalah untuk memperkenalkan produk mereka.

Oleh itu bengkel ini dilihat sebagai landasan bukan sahaja untuk mereka mempelajari cara menyediakan laporan malah dapat mempromosikannya samada melalui buletin ataupun melalui media.

"Peringkat permulaan bengkel ini disertai oleh 30 orang sahaja tetapi dengan pengisian yang saya lihat ini mungkin akan diketengahkan kepada semua 13 Giatmara di masa akan datang,"katanya.

Bagi Ahmad Faiz Alif Ahmad Zubir 20, yang mengikuti kursus Teknologi Fotografi bidang penulisan dan fotografi merupakan dua elemen penting dalam menyediakan laporan atau penerbitan.

"Walaupun saya lebih kepada mengambil gambar perkahwinan namun dengan bimbingan sepanjang bengkel ini memberi pengalaman baru terutama dalam menyediakan buletin termasuk menyediakan keterangan

gambar yang menarik mengikut tajuk rakaman,"katanya yang bercita-cita untuk melanjutkan pengajian dalam bidang fotografi di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Peretak sekiranya terpilih.

Bengkel yang meliputi teknik komposisi dalam merakamkan gambar, penulisan berita, rencana dan penghasilan buletin dikendalikan oleh Penyelaras Media Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia, Samsudin Oli Mohamed.

Peserta juga diberi peluang untuk membuat liputan perasmian seminar usahawan anjuran Mara Pulau Pinang yang dirasmikan oleh Ahli Parlimen Kepala Batas Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Manakala bagi latihan fotografi pula peserta melakukan penggambaran sekitar Pasar Bukit Mertajam.

Majlis penyampaian sijil kepada 30 peserta yang menghadirinya disempurnakan oleh wakil Pengarah Mara Pulau Pinang, Afniza Abu Bakar.

Turut hadir dimajlis penyampaian sijil ialah wakil Pengarah Giatmara Pulau Pinang Fakaruddin Md Farok dan Pengurus-pengurus Giatmara.



Penuntut Giatmara sedang mempelajari teknik mengambil gambar di Pasar Bukit Mertajam.